

# Dakwaan Asli boleh cetus huru-hara: Dr M

BH - 10/10/2006

Oleh Hassan Omar

**K**UALA LUMPUR: Dakwaan Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli) kononnya Bumiputera sudah mencapai ekuiti ekonomi sehingga 45 peratus bertujuan mendesak kerajaan menamatkan dasar membantu Bumiputera memiliki 30 peratus ekuiti serta boleh menimbulkan huru-hara, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, dakwaan itu bukan saja tidak tepat, malah boleh mengancam keharmonian kaum apabila masyarakat bukan Bumiputera menyuarakan rasa tidak puas hati apabila kerajaan masih memberi pelbagai keistimewaan kepada Bumiputera, sedangkan hasrat berkenaan sudah dicapai.

Dr Mahathir menegaskan, walaupun Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan pada 1970 sudah tamat pada 1990, semangatnya harus diteruskan kerana masyarakat Bumiputera hanya mencapai 18 peratus pegangan ekuiti berkenaan.

"Tidak munasabah orang Melayu mencapai 45 peratus pegangan ekonomi. Ini sudah lebih daripada kaum Cina. Saya tak tahu apa asas mereka gunakan dalam kajian itu.

"Contohnya, kalau orang Melayu ada tanah seekar (0.4 hektar) di luar bandar, adakah nilainya sama dengan seekar milik Cina di bandar? Tujuannya (dakwaan Asli) supaya kerajaan menamatkan semangat

DEB. Kalau ini berlanjutan, akan menimbulkan huru-hara," katanya.

Beliiau berkata demikian pada sidang media selepas majlis terbuka puasa dan solat Tarawih anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL) di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, di sini, malam tadi.

Hadir sama, Pengerusi DPMMKL, Datuk Syed Amin Al-Jeffri.

Dr Mahathir menyampaikan sumbangan wang DPMMKL kepada pasangan Kembar Siam, Ahmad dan Muhamad Rosli yang dipisahkan melalui pembedahan, empat tahun lalu.

Awal bulan ini, laporan kajian Asli berjudul *Pengagihan Ekuiti Korporat - Arah Aliran Lalu dan Polisi Masa Depan* mendakwa Bumiputera sudah mencapai ekuiti ekonomi 45 peratus.

Bagaimanapun, laporan itu dipertikaikan beberapa tokoh ekonomi dan ahli akademik yang rata-ratanya menyifatkan kaedah penyelidikan dan sumber data diguna Asli sebagai tidak tepat.

Dr Mahathir berkata, walaupun masih memerlukan bantuan kerajaan, masyarakat Bumiputera harus berusaha lebih gigih untuk mencapai pegangan ekuiti 30 peratus ekonomi negara.

"Selama adanya DEB, kita berjaya meningkatkan bilangan masyarakat Melayu 40 peratus dalam bidang kedokteran berbanding dua peratus sebelum DEB. Banyak cara kita tolong orang Melayu," katanya.